

S: Sejak bilakah pesta konvokesyen mula diperkenalkan di negara ini?


J: Ini bergantung kepada penubuhan institusi pengajian tinggi (IPT). Universiti yang sudah lama pastinya sudah banyak pengalaman menganjurkannya. Kebiasaannya, pesta konvokesyen diadakan serentak atau awal sedikit daripada majlis konvokesyen.

Orang ramai selalu keliru antara pesta konvokesyen dengan majlis konvokesyen kerana diadakan pada masa yang sama. Menjadi tanggungjawab penganjur untuk menyampaikan maklumat tepat serta mempromosikan pesta konvokesyen itu secara strategik bagi menarik minat pengunjung.

Pesta konvokesyen dijalankan bagi menyediakan kegiatan buat pengunjung yang hadir untuk majlis graduasi keluarga mereka memandangkan mungkin bukan semua ahli keluarga yang boleh memasuki dewan konvokesyen selain mempromosikan institusi itu sendiri. Namanya mungkin berbeza mengikut skala penganjurannya. Selalunya universiti baru hanya menamakan karnival atau bazar saja kerana saiz penganjurannya lebih kecil.

Pesta konvokesyen sememangnya sinonim dengan majlis atau istiadat konvokesyen. Pesta itu menyediakan pelbagai peluang perniagaan kepada pelajar, orang ramai dan institusi pengajian tinggi (IPT). Ikuti pandangan Pengarah Taman Pertanian Universiti merangkap Pengerusi Jawatankuasa Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abd Wahid Haron mengenai penganjuran pesta konvokesyen dan kelebihan kepada Wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM.

“
MENJADI TANGGUNGJAWAB PENGANJUR UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT TEPAT SERTA MEMPROMOSIKAN PESTA KONVOKESYEN ITU SECARA STRATEGIK BAGI MENARIK MINAT PENGUNJUNG”



Pesta konvokesyen bantu promosi universiti



**Program kebu-
dayaan** turut menjadi
pengisian dalam aktiviti
pesta konvokesyen.



kirkan pengisian yang memberi impak positif. Contohnya, pertandingan kugiran, kegiatan lasak, sukan ekstrem yang mampu menarik minat pelajar IPT itu sendiri atau konsert yang membabitkan artis.

Di UPM, kami pernah membuat lelongan anak kuda dan aktiviti menunggang kuda bersempena dengan pesta konvokesyen selain Ekspo Pertanian yang menjadi tumpuan orang ramai yang berminat membeli anak pokok, baja, benih serta barang berkaitan pertanian dengan harga berpatutan. Promosi penting bagi membolehkan mereka yang menyewa tapak merasakan itu pelaburan yang bijak.

S: Bagaimanakah IPT boleh memanfaatkan pesta konvokesyen ini?

J: Ini boleh dijadikan platform untuk mempromosikan IPT itu sendiri dengan mempamer keunikan serta kekuatan institusi itu. Contohnya, di UPM kami menjemput semua fakulti untuk mempamerkan hasil penyelidikan mereka terutama yang berpotensi untuk dikomersialkan selain memberi penerangan jurusan bidang serta kemudahan yang disediakan universiti.

Selain fakulti, penganjur juga boleh membuat

kerjasama dengan agensi luar terutama bidang yang berkaitan dengan IPT. Jika IPT bijak menyusun aktiviti sepanjang pesta konvokesyen serta pengisiannya tidak mustahil keuntungan berbentuk kewangan mampu diraih.

Bagaimanapun, biasanya IPT akan memfokuskan pulangan jangka masa panjang seperti penjenamaan institusi, hubungan baik dengan pihak luar, pembentukan kemahiran insaniah pelajar serta kepuasan pengunjung serta pempamer.

S: Bagaimanakah cara terbaik untuk menarik minat pengunjung ke pesta konvokesyen.

J: Sama seperti penganjur acara berbentuk pesta lain, promosi memainkan peranan penting dan kini banyak medium boleh dijadikan platform hebahan termasuk media cetak, elektronik, laman web serta media sosial.

Pengisian sesuatu pesta konvokesyen juga mampu membuatkan orang ramai tertarik untuk datang. Biasanya aktiviti unik akan dijalankan IPT untuk menaik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk hadir.

Penganjur perlu memi-

ga di gerai yang disediakan IPT masing-masing. Bagaimanapun, gerai perlu ditempah sebelum dipilih oleh jawatankuasa penganjur. Di sinilah, mereka boleh mengasah bakat keusahawanan, namun pemantauan perlu dilakukan penganjur bagi mengelakkan mereka menjual semua tapak gerai kepada pihak lain.

Berdasarkan pengalaman lalu, pelajar juga tidak kurang hebatnya berniaga di gerai makanan, gerai pelbagai, cenderamata dan bunga. Mereka dapat meraih keuntungan mencecah ribuan ringgit hanya untuk tempoh seminggu berniaga di pesta konvokesyen.

S: Apakah manfaat yang pelajar IPT itu sendiri peroleh dari pesta konvokesyen?

J: Banyak perkara boleh mereka pelajari dan peroleh daripada pesta konvokesyen. Jika mereka membabitkan diri dengan penganjurannya, sudah tentu mereka berpeluang mempelajari cara menganjurkan sesuatu acara selain mempertingkatkan kemahiran insaniah seperti komunikasi, keyakinan diri, kerja berpasukan serta pengurusan majlis.

Selain itu, mereka juga boleh meraih pendapatan sampingan dengan bernia-



Antara gimik pembukaan pesta konvokesyen sebuah IPTA.